

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN
TARIKH : 19 MEI 2016, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek pembinaan lebuhraya yang menghubungkan antara Machang hingga ke Gua Musang di Negeri Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaik taraf laluan dari Jalan Machang ke Gua Musang ialah sebahagian daripada skop projek membina dan menaik taraf Jalan Central Spine (CSR) iaitu dari Bentong, Pahang hingga ke Kota Bharu, Kelantan.

Pelaksanaan projek Jalan Central Spine ini dibuat secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang sangat tinggi, iaitu dianggarkan sebanyak RM8.4 bilion secara keseluruhan. Pada masa kini keutamaan pelaksanaan projek CSR ialah bagi laluan di Lipis (Pahang) dan Kota Bharu (Kelantan) terlebih dahulu. Manakala bagi laluan CSR di kawasan-kawasan lain akan dilaksanakan setelah kementerian ini menerima kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Bagi sektor laluan CSR dari Machang ke Kuala Krai, Kelantan – semakan terperinci perlu dibuat terlebih dahulu oleh kementerian ini berikutan skop projek yang dirancang oleh Kerajaan Pusat (Machang – Kuala Krai) didapati bertindih atau selari dengan skop projek Lebuhraya Rakyat yang sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri Kelantan. Sehubungan itu pelaksanaan laluan berkenaan adalah tertakluk kepada perbincangan dan hasil keputusan dasar antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan.

Sekian. Terima kasih.